



Goldman Sachs setuju bayar AS\$3.9 bilion penyelesaian tuntutan tertunggak 1MDB – Kementerian Kewangan

PETIKAN AKHBAR | 26 JULAI 2020



KUALA LUMPUR, 24 Julai – Goldman Sachs Group Inc. telah setuju membayar sebanyak AS\$3.9 bilion (RM16.6 bilion) bagi penyelesaian tuntutan tertunggak berkaitan dengan tiga urus niaga bon yang telah disusun dan diatur oleh Goldman Sachs untuk syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kementerian Kewangan (MOF) berkata dengan jumlah penyelesaian ini dan wang yang telah diterima oleh Malaysia dari Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat lebih daripada AS\$4.5 bilion akan dikembalikan kepada rakyat Malaysia.

"Sehubungan itu, kerajaan terus komited untuk mendapatkan semula aset-aset lain yang masih belum dikembalikan," demikian menurut kementerian berkenaan dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Kementerian Kewangan berkata penyelesaian berkenaan merangkumi pembayaran tunai sebanyak US\$2.5 bilion dan jaminan untuk pengembalian penuh berjumlah sekurang-kurangnya US\$1.4 bilion dari segi aset yang berkait dengan hasil yang telah diseleweng melalui tiga urus niaga bon tersebut.



English



Jumlah penyelesaian tersebut juga merupakan satu peningkatan yang ketara jika dibandingkan dengan tawaran sebelumnya sebanyak US\$1.75 bilion yang dibuat oleh Goldman Sachs kepada pentadbiran kerajaan pada 2019.

Sementara itu, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata penyelesaian itu mewakili aset yang merupakan hak rakyat Malaysia.

"Kami yakin persetujuan ini telah berjaya mencapai jumlah pengembalian aset yang jauh lebih banyak daripada Goldman Sachs berbanding nilai yang ditawarkan terdahulu yang jauh di bawah jangkaan.

"Kami juga bersyukur dapat menyelesaikan hal ini di luar sistem pengadilan, yang akan menelan banyak waktu dan sumber kewangan. Dengan penyelesaian ini, kita dapat mempercepatkan pengembalian aset, tanpa melalui proses pengadilan yang tentunya mahal dan rumit," katanya.

Goldman Sachs setuju bayar AS\$3.9 bilion



Penyelesaian oleh Goldman Sachs ini juga merupakan satu pengakuan salah laku oleh dua bekas pegawainya dalam skim penipuan dan rasuah 1MDB.

Penyelesaian ini juga tidak akan menjejaskan tuntutan Malaysia terhadap Jho Low dan individu lain yang berkaitan dengan skandal penyelewengan 1MDB.

Kementerian Kewangan turut melahirkan penghargaan kepada Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan anggota pasukan perundingan atas usaha mereka selama seminggu dalam menyelesaikan penyelesaian berkenaan.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)



[Berita](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGGU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[PERMAI](#)

[BERITA HARIAN](#)